

Guna media baharu sebar mesej khutbah

Khutbah ialah pidato atau syarahan umumnya tetapi secara khusus, mengandungi ajaran dan nasihat keagamaan.

Sarak menetapkan khutbah Jumaat wajib mengandungi lima rukun, iaitu pujian kepada Allah SWT, selawat ke atas Rasulullah SAW, wasiat ketakwaan, membaca sekurang-kurangnya satu ayat al-Quran dan doa ke atas kaum Muslimin.

Khutbah Jumaat menjadi medium penting bagi umat Islam kerana segala mesej penting dapat disampaikan kepada seluruh masyarakat Islam, selain menyampaikan pedoman, panduan serta ajaran Islam dengan lebih mudah.

Sejak pengutusan Rasulullah SAW, khutbah Jumaat menjadi medium verbal dan komunikasi utama pemerintah dengan rakyat, sekali gus menyampaikan maklumat mencakupi pelbagai bidang kehidupan, manakala masjid ialah bahagian tengah antara kerajaan dengan masyarakat.

Hari ini, saluran penyampaian mesej komunikasi berkembang sesuai dengan teknologi. Medium komunikasi atau penyampaian maklumat kini bersifat digital dan multimedia sehingga media baharu itu memiliki ciri interaktif.

Namun, mesej atau kandungan khutbah Jumaat masih berada pada tahap lama, iaitu hanya dalam lingkungan masjid, penganut Islam, lelaki, hari Jumaat dan bersifat tekstual.

Mengapakah mesej atau kandungan khutbah Jumaat tidak dimaksimumkan sesuai peredaran zaman? Mengapakah wanita atau mereka yang berada di luar masjid seperti penganut bukan Islam tidak mendapat mesej sama daripada isi kandungan khutbah Jumaat? Bukankah

mesej Islam itu bersifat universal atau rahmatan lil alamin?

Apakah tiada mekanisme, iaitu alat, cara, sistem dan saluran untuk memungkinkan atau membuka jalan pelaksanaan supaya mesej atau kandungan khutbah Jumaat itu sampai kepada seluruh masyarakat?

Khutbah Jumaat di negara ini memang sudah melalui beberapa pembaharuan dari aspek pendekatan sama ada oleh agensi agama kerajaan persekutuan atau negeri.

Dahulu, isi khutbah Jumaat hanya diketahui awal khatib atau pembaca khutbah tetapi teks khutbah Jumaat kini boleh diakses awal oleh individu yang berminat dengan memuat turun teks penuh melalui laman web agensi agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Bahkan ada masjid menyampaikan khutbah

Jumaat dalam bahasa Inggeris.

Selain itu, jemaah Jumaat bukan sahaja dapat mendedikasikan khutbah disampaikan khatib, bahkan menatapi kandungan slaid khutbah multimedia yang mengandungi teks, gambar serta grafik yang dipaparkan pada skrin layar masjid dan surau Jumaat.

Saluran penyampaian mesej atau kandungan khutbah Jumaat perlu dimaksimumkan lagi sesuai dengan teknologi maklumat pada era media baharu yang sesuatu informasi dapat dikendalikan dalam bentuk teks, imej, grafik, audio dan video.

Dengan teknologi masa kini, mesej atau kandungan khutbah Jumaat tidak lagi terhad terhadap individu dalam lingkungan masjid atau surau Jumaat, bahkan menembus masuk ke setiap bangunan atau rumah.

Ia tidak lagi terhad kepada sesebuah kariah atau negeri, sebaliknya dapat disebar ke

seluruh negara dan dunia melalui media sosial popular seperti WhatsApp, Telegram, Facebook, YouTube, Twitter dan Instagram.

Justeru, agensi agama Kerajaan Persekutuan atau negeri seharusnya memikirkan apakah mekanisme baharu yang dapat memaksimumkan kandungan khutbah Jumaat agar mesej Islam yang bersifat 'rahmatan lil alamin' tersebar ke seluruh komuniti tanpa terhad kepada agama, bangsa atau etnik tertentu.

Semoga kita dapat menjadi lidah penyambung tujuan pengutusan Rasulullah SAW, iaitu sebagai rahmatan lil alamin.

Firman Allah SWT: "Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)." (Saba': 28)



Wan Haslan Khairuddin

Penulis ialah Pensyarah Pusat Akidah dan Keamanan Global (PAKeG), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UK)

